



**MEMO ANTARA BAHAGIAN / JABATAN
HOSPITAL SULTAN IDRIS SHAH, SERDANG**

PEJABAT PENGARAH

Ruj. Kami: HSIS.100-1/7/4 (2)		Tarikh: 21 OGOS 2024
KEPADA	SENARAI EDARAN	s.k – - TP (Perubatan) I - TP (Pengurusan) - TP (Perubatan) II - TP (Perubatan) III
DARIPADA	PENGARAH HOSPITAL	
PERKARA	PERINGATAN PEMATUHAN ARAHAN KESELAMATAN DI HOSPITAL SULTAN IDRIS SHAH (HSIS), SERDANG	

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/ Puan,

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/ Puan sedia maklum, Keselamatan Fizikal adalah sebarang tindakan yang memastikan keselamatan bangunan, premis atau tempat, termasuk yang digunakan bagi mengurus perkara-perkara terperingkat dan sensitif supaya sentiasa berada dalam keadaan selamat. Langkah-langkah keselamatan diambil untuk menghalang orang-orang yang tidak dibenarkan daripada memperoleh perkara-perkara terperingkat dari luar atau dalam premis Hospital dengan memasuki pejabat secara haram selaras dengan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017) yang dikeluarkan oleh Jemaah Menteri. Susulan daripada itu, pihak Hospital telah mewujudkan **Sistem Pas Keselamatan** dan **pintu-pintu akses keselamatan** di kesemua Jabatan/Unit/Wad.

3. Sehubungan itu, **semua warga Hospital Sultan Idris Shah, Serdang** adalah dikehendaki untuk **mematuhi Arahan Keselamatan** tersebut dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/ Puan turut dimohon memastikan agar:

- 3.1 Pemakaian Pas Kerja Jabatan oleh pegawai-pegawai seliaan sepanjang masa keberadaan di dalam kawasan hospital;
- 3.2 Kehilangan Pas Kerja hendaklah dilaporkan segera kepada pihak Pengurusan Hospital atau Unit Keselamatan untuk mengelakkan isu disalahgunakan oleh pihak tertentu yang tidak bertanggung jawab;

- 3.3 Pintu-pintu pejabat/unit/wad hendaklah sentiasa ditutup dengan sempurna sepanjang masa dan perbuatan sendal, ikat atau rosakkan magnet pintu akses adalah ditegah sama sekali. Sementara itu, pintu yang telah rosak hendaklah dilaporkan untuk dibaiki dengan segera; dan
- 3.4 Kakitangan yang bertugas di sesuatu lokasi hospital diminta untuk mengenal pasti identiti kakitangan lain yang berada di dalam lokasi tersebut dan melaporkan segera kepada Penyelia/Unit Keselamatan/Pengurusan Hospital sekiranya terdapat sebarang individu yang mencurigakan.

4. Selain itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/ Puan turut dimohon agar memastikan pemakaian **baju scrub oleh kakitangan yang berkaitan di bawah seliaan masing-masing hanya dibenarkan dipakai di kawasan klinikal yang ditetapkan sahaja.**

5. Susulan daripada itu, surat teguran/ surat tunjuk sebab akan dikeluarkan kepada kakitangan HSIS, Serdang yang berkaitan sekiranya didapati masih tidak mematuhi kepada arahan keselamatan tersebut. Perbuatan tersebut boleh diertikan sebagai suatu perbuatan yang ingkar perintah dan melanggar tatakelakuan pegawai awam di bawah Peraturan 4(2)(i), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan:

“4(2) Seseorang pegawai tidak boleh –

- (i) Ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah;”

Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah diharapkan dan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“TOGETHER FOR EXCELLENCE”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. FARIQUE RIZAL BIN ABDUL HAMID, KMN., AMK.)
MMC: 36754
Pengarah

Hospital Sultan Idris Shah, Serdang

DR. FERWAHN FAIRIS BIN AB. KARIM
(No. Pendaftaran Penuh : 39910)
Timbalan Pengarah Perubatan II
Hospital Sultan Idris Shah, Serdang